

Kerajaan Negeri mohon RM400 juta atasi banjir

IPOH – Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan peruntukan sebanyak RM 400 juta bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku khususnya di Daerah Kerian sejak sekian lama.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, peruntukkan tersebut merangkumi semua aspek bukan sahaja melibatkan kerja-kerja mendalamkan sungai tetapi pengurusan semua sungai yang ada di kawasan berkenaan.

Menurutnya, Kerajaan Negeri memberi perhatian khusus mengenai masalah banjir yang sering berlaku di daerah itu.

“Dalam tempoh beberapa tahun ini Kerajaan Negeri telah mengemukakan beberapa cadangan termasuk melalui kaedah-kaedah penswastaan bagi pengurusan banjir dan mendapatkan peruntukan



ZAMBRY

daripada Kerajaan Persekutuan,” katanya pada sidang media, selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco, di sini semalam.

Zambry berkata, masalah tersebut akan berlaku apabila aliran air tidak dapat bergerak ke bahagian muara sungai sekali gus akan mengakibatkan berlakunya banjir.

“Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa kaedah yang mungkin dapat dilaksanakan termasuk mendalamkan sungai-sungai yang ada di kawasan berkenaan.

Tambah beliau lagi, pendekatan yang telah dikemuka-

kan kepada Kerajaan Negeri adalah dengan mengenal pasti kaedah terbaik bagi mendalamkan tasik Bukit Merah.

“Kita juga telah mendengar taklimat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sekali gus melihat cadangan yang dikemukakan pihak berkenaan,” katanya.

Jelasnya, sehingga kini Kerajaan Negeri telah menerima beberapa cadangan daripada sebuah syarikat yang mahu mendalamkan tasik Bukit Merah, namun dalam masa yang sama, kerajaan negeri perlu mengambil langkah-langkah bagi pastikan kerja-kerja pendalaman tidak menyebabkan kawasan sekitar terhakis.

“Langkah-langkah pengawalan tersebut perlu diambil supaya kerja-kerja pendalaman yang dilakukan tidak menjejaskan ekologi kawasan sekitar,” katanya.